

ANALISIS KEPUTUSAN FATWA TEMPATAN SEWAKTU PANDEMIK COVID-19 MENURUT KERANGKA AL-TARAKHKHUS FI AL-FATWA

An Analysis Of Local Fatwa Results During Covid-19 Pandemic According To Al-Tarakhkus Fi Al-Fatwa Framework

Mohd Hapiz Mahaiyadinⁱ, Azri Bhariⁱⁱ & Mohd Dasuqkhi Mohd Sirajuddinⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan (Ph.D), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor. Emel: mohdhapiz659@uitm.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan (Ph.D), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor. Emel: azrib178@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan (Ph.D), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor. Emel: dasuqkhi@uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Pandemik Coronavirus Disease (COVID-19) telah mendatangkan impak terhadap kehidupan sosial, ekonomi, pendidikan, politik dan juga urusan keagamaan. Kegiatan ibadat yang melibatkan sosialisasi umat Islam di masjid dan surau seperti solat berjemaah, solat Jumaat, solat tarawih, iktikaf, pengurusan jenazah dan solat jenazah tertakluk juga kepada norma baharu yang dibuat bagi menjaga keselamatan orang ramai daripada jangkitan Covid-19 selain mempengaruhi beberapa keputusan hukum dan fatwa. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis beberapa keputusan pandangan hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan jabatan mufti negeri berkaitan ibadat yang berbeza dengan fatwa muktamad mazhab Syafi'i. Berpandukan metod analisis kandungan (content analysis) yang menggunakan kaedah analisis konseptual dan semantik, kajian ini akan membincangkan keabsahan perbezaan fatwa tersebut daripada pendekatan al-tarakhkhus fi al-fatwa. Pendekatan al-tarakhkhus fi al-fatwa berbeza</i></p>	<p><i>Pandemic Coronavirus Disease (COVID-19) has had an impact on social, economic, educational, political and even religious life. Worship activities that involve the socialization of Muslims in mosques and suraus such as congregational prayers, Friday prayers, tarawih prayers, iktikaf, funeral management and funeral prayers are also subject to new norms made to keep the public safe from Covid-19 infection besides influencing some legal decisions. and fatwa. Therefore, this study aims to analyze some of the views and legal fatwas related to matters of worship issued by the Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) and all states department of mufti that are different from the final fatwa of the Syafi'i mazhab. Guided by the method of content analysis (content analysis) that applies conceptual and semantic analysis methods, this study will discuss the validity of these fatwas from the approach of al-tarakhkhus fi al-fatwa. This approach differs from the practice of tatabbu 'al-rukhas which is carefully warned by most usuliyyin. The</i></p>

<p>dengan amalan tatabbu' al-rukhas yang diwaspadai oleh kebanyakan usuliyyin. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa berlakunya pemfatwaan pendapat marjuh dan bukan muktamad mazhab Syafi'i adalah bertepatan dengan pendekatan al-tarakhkhush fi al-fatwa yang dibenarkan oleh para ulama kerana ianya bertepatan dengan maqasid syariah, maslahah dan rukhsah kepada umat Islam. Signifikan kajian ini diharap dapat meredakan keresahan orang ramai terhadap keputusan fatwa yang dikemukakan itu sebagai bertentangan dengan standard fatwa berdasarkan mazhab Syafi'i di Malaysia.</p> <p>Kata kunci: Covid-19, Fatwa, Marjuh, Tarakhkhush, Tatabbu'</p>	<p>results of this study show that the occurrence of fatwas of marjuh and non-strong opinion of the Syafi'i mazhab is in line with the approach of al-tarakhkhush fi al-fatwa that allowed by the scholars because it coincides with the maqasid syariah, maslahah, and convenience for Muslims. The importance of this study is expected to alleviate public concern on the decision of the fatwa decided contrary to the standard of fatwa based on the Syafi'i mazhab in Malaysia.</p> <p>Keyword: Covid-19, Fatwa, Marjuh, Tarakhkhush, Tatabbu'</p>
---	---

PENDAHULUAN

Pandemik virus merbahaya dikenali sebagai *Coronavirus Disease (COVID-19)* yang muncul pada akhir Disember 2019 telah disahkan merebak ke Malaysia pada 25 Januari 2020 (Berita Harian Online. (2020). Sehingga hari ini, jumlah jangkitan sebanyak 372,859 kes dengan 1370 kematian dan 352,395 kes sembuh dilaporkan di samping kes aktif sebanyak 19,094 (<http://covid-19.moh.gov.my/terkini>). Bagi mengawal pandemik itu pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (*Restricted Movement Order*) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334) berkuat kuasa pada 18 Mac hingga sekarang yang diteruskan dengan beberapa siri perintah kawalan seperti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Pandemik tersebut telah menghadkan pelbagai kegiatan ekonomi, sosial dan pendidikan selain mendatangkan juga kesan secara tidak langsung kepada pelaksanaan ibadat. Banyak kegiatan ibadat yang melibatkan sosialisasi (*tajammuk*) umat Islam di masjid dan surau seperti solat berjemaah, solat Jumaat, solat tarawih, iktikaf, pengurusan jenazah dan solat jenazah tertakluk kepada norma baharu yang dibuat bagi menjaga keselamatan orang ramai daripada terkena jangkitan. Antaranya penjarakan fizikal sejauh satu meter, pemakaian pelitup muka, tiada sentuhan anggota, penggunaan sanitiser dan seumpamanya perlu dititikberatkan sewaktu melaksanakan ibadat solat.

Susulan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, pihak berautoriti agama seperti

Jabatan Mufti dan Jabatan Agama Islam negeri telah mengarahkan agar semua aktiviti yang melibatkan perhimpunan awam di masjid dan surau seperti solat berjemaah, kuliah-kuliah pengajian, ceramah dan juga solat Jumaat hendaklah ditangguhkan dalam tempoh kuat kuasa perintah PKP. Ia kemudianya disusuli dengan beberapa keputusan pandangan hukum oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang dihadiri semua mufti negeri atau wakilnya ; Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri dan wakil Majlis Agama Islam Negeri. Tindakan sedemikian telah mengundang pelbagai reaksi awam di mana walaupun sebahagian besar masyarakat akur, namun wujud golongan yang mempertikaikan kewajarannya dengan menghujahkan pelbagai dalil dan hujah syarak. Reaksi berbelah bagi tersebut hanya berlaku pada peringkat awal PKP dikuatkuasakan namun pada saat ini orang ramai terutama umat Islam sudah dapat memahami rasional pelbagai keputusan fatwa yang telah disampaikan dan seterusnya mematuhi dengan baik.

Suatu hal yang menarik ialah terdapat beberapa keputusan pandangan hukum oleh MKI dan fatwa mufti seluruh Malaysia yang berbeza dengan fatwa muktamad dalam mazhab Syafi'i kerana mempertimbangkan faktor ketepatan dengan *maqasid syariah*, *maslahah* dan rukhsah kepada umat Islam. Pembuatan keputusan fatwa ini merupakan manifestasi kepada prinsip *al-tarakhhush fi al-fatwa* yang merujuk kepada amalan memfatwakan keputusan yang bersifat ringan (*taysir*), mudah (*rukhsah*) dan tidak membebankan (*raf' al-harj*) masyarakat. Pada dasarnya, prinsip *al-tarakhhush fi al-fatwa* terbentuk daripada tiga kaedah fatwa iaitu beramal dengan pendapat *marjuh*, fatwa mazhab lain dan talfiq akan dibincangkan penditilannya menurut para ulamak usul fiqh (*usuliyin*) sejauhmana praktis-praktis tersebut diharuskan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

Dengan prinsip *al-tarakhhush fi al-fatwa* juga, semua keputusan fatwa domestik dapat diperjelaskan kepada masyarakat dengan baik agar dapat diterima tanpa sebarang prejedis dengan anggapan para mufti dan pihak berautoriti agama telah menyalahi amalan fatwa yang sebenar dalam mazhab Syafi'i. Semua mazhab fikah dengan pelbagai perbezaan fatwa masing-masing pada dasarnya bersepakat bahawa keringanan (*taysir*) merupakan kriteria penting syariat Islam dan sebarang kesulitan (*masyaqqah*) yang membebankan umat Islam layak diberikan pelbagai kelonggaran hukum (*rukhsah*). Tidak dinafikan bahawa semua keputusan fatwa berkaitan ibadat ketika Covid-19 masih berleluasa bertujuan untuk menjaga kemaslahatan semua pihak agar kekal sejahtera di samping mengambilkira arahan SOP daripada pihak keselamatan negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif ini akan meneliti keabsahan beberapa keputusan pandangan hukum MKI dan fatwa mufti negeri berkaitan ibadat pada waktu pandemik Covid-19 sejauhmana ianya menepati prinsip *al-tarakhkhush fi al-fatwa* dengan menggunakan metod analisis kandungan (*content analysis*). Dengan kaedah analisis konseptual, penulis akan meneliti pandangan usuliyyin mengenai prinsip *al-tarakhkhush fi al-fatwa* yang komponen aplikasinya terdiri daripada beberapa pendekatan seperti berfatwa dengan pendapat *marjuh* dan bukan muktabar dalam mazhab Syafi'i, beramal dengan fatwa mazhab lain yang rajih (*al-intiqal min al-mazhab*) dan kombinasi fatwa (*talfiq*) beberapa mazhab.

Seterusnya kaedah analisis semantik digunakan dalam menjelaskan aplikasi pendekatan *al-tarakhkhush fi al-fatwa* dengan betul kerana terdapat kekeliruan dengan praktis *tatabbu' al-rukhas* yang ditegah oleh majoriti usuliyyin kerana dapat membawa kepada ekplorasi (*al-tala'ub*) hukum syarak. Ketidakjelasan kefahaman konsep dan aplikasi *al-tarakhkhush fi al-fatwa* dalam kalangan masyarakat Islam sering kali menyebabkan keputusan fatwa yang berbeza dengan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i dianggap tidak mematuhi metod fatwa (*sina'at al-fatwa*) mazhab tersebut. Pelbagai tuduhan yang telah dilemparkan pada pihak berautoriti agama kesan daripada fatwa-fatwa tersebut boleh diketepikan dengan hasil analisis kajian ini bahawa pembuatan sesetengah keputusan fatwa di Malaysia yang berbeza dengan pandangan muktamad mazhab Syafi'i masih berpandukan metod fatwa yang sahih.

Kajian ini akan memperincikan juga pandangan usuliyyin mengenai hukum *tatabbu' al-rukhas* yang sering dijadikan satu cara berhelah pihak tidak bertanggungjawab dengan sengaja beramal dengan pendapat marjuh, berpindah mazhab fikah dan bertalfiq hanya untuk mencari hukum yang mudah semata-mata. Dengan demikian, dapat digarisukkan perbezaan-perbezaan penting dengan prinsip *al-tarakhkhush fi al-fatwa* yang bertujuan memberikan solusi hukum yang tidak membebankan masyarakat awam di Malaysia pada waktu kesulitan.

DEFINISI FATWA

Dalam Kamus Dewan (1999), fatwa didefinisikan sebagai keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak). Fatwa berasal daripada kalimah Arab, iaitu memberitahu, menerang dan menjawab pertanyaan (Ibn Mazhur, 1993). Terdapat sebutan yang sinonim iaitu al-futya, al-futwa dan al-fatwa. Fatwa dengan ejaan الفتوی bermaksud hukum yang

disampaikan oleh mufti. Ia juga boleh dijelaskan sebagai “jawapan terhadap kemusykilan hukum” (Al-Raghib, t.t).

Fatwa dari sudut istilah mempunyai pelbagai maksud yang dilihat daripada pelbagai perspektif namun masih membawa pengertian yang lebih kurang sama. Fatwa dijelaskan sebagai penetapan hukum yang datang daripada Allah (al-Jurjani, t.t) sama ada pada perkara yang mesti (*ilzam*) atau harus (*ibahah*) (Al-Qarafi, 2001) atau yang tidak mengikat (Al-Mahalli, 1982). Pandangan ini sama yang kemukakan Sa'di Abu Jayb (1988) bahawa fatwa merupakan jawapan kepada kemusykilan dalam masalah-masalah hukum syarak, tetapi tidak menjadi satu kemestian mematuhinya. Begitu juga definisi sarjana kontemporari seperti Madkur (t.t), al-Qaradhwai (1996) dan al-Zuhayli (1996) tidak berbeza dengan apa yang dijelaskan. Dapat dirumuskan bahawa fatwa adalah satu jawapan, keterangan, penerangan, penjelasan hukum syarak yang ditanya oleh individu mahupun organisasi yang diajukan kepada mufti sebagai pihak yang menjawab.

Dalam konteks Malaysia, fatwa tertakluk kepada undang-undang yang terpakai melalui Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri. Istilah fatwa merujuk kepada keputusan hukum disampaikan oleh mufti yang diwartakan setelah melalui beberapa prosedur tertentu sehingga mendapat kelulusan dan pengesahan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat Undang-Undang seterusnya perkenan DYMM Sultan atau Raja Negeri untuk diwartakan dalam warta kerajaan. Fatwa yang diwartakan akan menjadi undang-undang, mengikat orang-orang Islam dalam negeri yang mewartakannya dan berkuatkuasa dalam negeri tersebut. Sebarang tindakan yang bertentangan dengan fatwa tersebut boleh dikenakan tindakan perundungan atas kesalahan melanggar fatwa (Abdul Shukor Husin, 2012 ; Mohamed Azam Mohamed Adil, 2012)

Daripada segi metod pembuatan fatwa (*sina'at al-fatwa*), kebanyakan negeri di Malaysia memperuntukkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam masing-masing, setiap keputusan fatwa mesti berasaskan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i. Dinyatakan dalam Seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, pendapat muktamad yang hendak diikuti seperti berikut:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakulkan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.

Begitu juga sama keadaannya dengan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, dalam Bahagian III – Jawatankuasa Fatwa, Seksyen 26 Qaul Muktamad hendaklah diikuti menyebut:

- (1) Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie berlandaskan Al-Quran, Hadis, Ijma' Ulamak dan Qiyas.

Pemilihan mazhab Syafi'i sebagai pilihan fatwa jelas ditetapkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 Negeri Pahang (Seksyen 41), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 Negeri Perak (Seksyen 39), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Seksyen 54), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (Seksyen 42), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Seksyen 54) dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 200 (Seksyen 39). Namun Perlis merupakan satu-satunya negeri yang berbeza dengan negeri-negeri lain daripada segi keterikatan dengan mazhab Syafi'i. Dalam Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 dinyatakan:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallahu alaihi Wassalam.

DEFINISI TARAKHKHUS

Tarakhkhush secara literalnya bermaksud mengambil *rukhsah* iaitu hal yang memudahkan (Al-Zabidi, t.t). *Rukhsah* berlawanan dengan *tasydid* atau hal yang memberatkan (Al-Jauhari, 1987). *Rukhsah* ditakrifkan juga sebagai kemudahan yang Allah berikan kepada hampanya dalam beberapa perkara (Ibn Manzur, 1993). Sekiranya intisari *rukhsah* berkisar antara keringanan, kemudahan dan kesenangan maka *tarakhkhush* boleh disebut sebagai perbuatan mengambil sesuatu yang lebih ringan dan mudah.

Namun dari segi istilah, tidak terdapat definisi khusus *tarakhkhush* walaupun praktikalitinya dibincangkan oleh usuliyin. Dalam kajian ini pemakaian *tarakhkhush* bukan merujuk kepada konsep *rukhsah syar'iyyah* yang merupakan lawan kepada konsep azimah. Sebaliknya merujuk suatu pendekatan yang memilih fatwa dan pandangan ulama atau mazhab yang lebih ringan untuk diamalkan yang juga dinamakan sebagai *al-rukhas al-fiqhiyyah*. Konsep *al-rukhas al-fiqhiyyah* berbeza dengan hukum-hukum *rukhsah* disebabkan masyaqqa yang disebut *al-rukhas al-syar'iyyah* seperti dalam perbahasan kaedah-kaedah fikah. *Tarakhkhush* atau *al-akhz bi rukhas al-fuqaha'* sebagaimana dalam ketetapan 70 (1/8) Majmak Fiqh Islami semasa persidangan keli ke-8 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 1993 telah dijelaskan sebagai mengambil fatwa fuqaha yang lebih ringan dalam masalah khilafiyah (*Ittiba' ma huwa akhaff min aqwalihim*). Dinyatakan

perkaitannya dengan masalah khilafiyah kerana *al-rukhas al-fiqhiyyah* terjadi daripada perkara-perkara yang diperselisihkan antara mazhab fekah seperti memilih fatwa sebahagian fuqaha yang membenarkan jamak solat ketika sakit berbanding fatwa sebahagian lain yang menyatakan sebaliknya. Adapun *al-rukhas al-syar'iyyah*, kebanyakannya hukumnya disepakati oleh majoriti fuqaha seperti keharusan jamak dan qasar ketika musafir, tayammum kerana sakit dan ketiadaan air mutlak dan penggunaan makanan haram ketika darurah.

1. Maksud Dan Aplikasi *Al-Tarakhkhush Fi Al-Fatwa*

Amalan *tarakhkhush fi al-fatwa* dibincangkan oleh usuliyyin dengan panjang lebar walaupun tidak memberikan sebuah takrif tersendiri dengan membezakannya daripada *tatabbu' al-rukhas* iaitu pendekatan memilih apa sahaja fatwa yang dilihat mudah oleh pengamalnya. Al-Isnawi (1999) menjelaskan terjadinya amalan *tarakhkhush* dengan menyatakan seseorang jahil dibolehkan untuk bertaklid dan mengikut pandangan ulama yang ringan dalam beberapa keadaan ketika terdapat keperluan serius dengan syarat tidak melakukan *tatabbu' al-rukhas*. Jelas *tarakhkhush* sangat berbeza dengan *tatabbu' al-rukhas* walau pun secara zahirnya kelihatan serupa.

Pada dasarnya, *tarakhkhush* boleh digunakan pada masa yang diperlukan. Namun kebanyakannya usuliyyin mencegah amalan *tatabbu' al-rukhas* yang bersikap selektif terhadap sebarang fatwa yang mudah secara berterusan sehingga menjadikan mazhab orang tersebut hanya terdiri daripada fatwa yang paling ringan dalam ikhtilaf ulama. Apa yang jelas, *tatabbu' al-rukhas* yang dibuat mengikut hawa nafsu dihukumkan sebagai fasik dan boleh menyebabkannya terkeluar daripada taklif hukum syarak jika tidak dikawal dengan baik. Al-Nawawi (*Al-Majmu'*, t.t) menegaskan jika (dihukumkan) boleh seseorang itu mengikut sesuka hati sebarang mazhab yang diinginnya, pasti akan membuka ruang kepada pemilihan fatwa yang dianggap ringan sehingga pengamalnya berjaya berlepas diri daripada batasan tuntutan dan tegahan syarak. Ia turut disokong oleh al-Shatibi (*Al-Muwafaqat*, t.t) yang menyatakan seorang mufti perlu memimpin masyarakat mengikut pandangan moderat tidak terlalu ketat dan terlalu longgar. Pendirian terlalu longgar seperti *tatabbu' al-rukhas* bersalah dengan ketetapan syariah yang melarang mukalaf mengikut nafsu yang akan merosakkan segala taklif hukum. Begitu juga kefahaman bahawa manusia perlu menolak rukhsah sepenuhnya juga satu kesalahan.

Jika dibezaikan dengan praktis *tatabbu' al-rukhas* seperti di atas, maka dapat dirumuskan maksud *al-tarakhkhush fi al-fatwa* sebagai penggunaan pandangan dan fatwa fuqaha atau mazhab tertentu dalam beberapa masalah fikih yang dipilih mengikut prosedur-prosedur hukum tertentu. Penggunaan fatwa tersebut bukan dibuat sesuka hati, sebaliknya didorong oleh faktor-faktor penting seperti keperluan mendesak atau kesukaran kepada kehidupan

awam jika mengamalkan fatwa sedia. Mekanisme *al-tarakhhkus fi al-fatwa* melibatkan beberapa amalan yang bahaskan usuliyyin iaitu hukum mengikut pendapat *marjuh*, perpindahan kepada mazhab lain dan juga amalan talfiq.

2. Amalan Berfatwa dengan Pendapat *Marjuh*

Secara umum, maksud berfatwa dengan pendapat *marjuh* dalam kajian ini ialah sebarang fatwa yang dianggap lemah dalam mazhab Syafi'i sama ada fatwa tersebut *rajih* dalam mazhab lain ataupun pendapat bukan muktabar dalam mazhab Syafi'i sendiri. Oleh kerana *tarakhkus fi al-fatwa* mempunyai kaitan dengan pemilihan pendapat fuqaha paling ringan dalam beberapa hukum khilafiyah maka perlu dihuraikan juga pandangan usuliyyin dalam beberapa perkara mengenainya.

Pertama, kewajipan beramal dengan fatwa *rajih*. Semua usuliyyin bersepakat hanya fatwa yang *rajih* wajib diamalkan oleh setiap mujtahid. Hasil rumusan ijтиhad setiap mujtahid walaupun berbeza antara mereka, adalah berteraskan sangkaan yakin (*zan ghalib*) bahawa pandangan masing-masing adalah hukum yang wajib baginya. Ini bermakna walaupun *rajih* atau *marjuh* sesuatu pandangan, ia adalah bersifat relatif kerana suatu fatwa yang *rajih* di sisi seorang mujtahid atau mazhab fekah dianggap *marjuh* oleh mujtahid dan mazhab lain. Dalam konteks ini semua mujtahid atau mazhab perlu beramal dengan apa yang *rajih* di sisinya.

Perkara di atas telah dijelaskan oleh al-Syatibi (t.t), Ibn Abidin (2000) dan ramai fuqaha mazhab muktabar. Menurut al-Syatibi (t.t), kewajipan beramal dengan fatwa *rajih* ini bukan bermaksud semua ijтиhad para mujtahid betul (*musiib*), tetapi hanya dalam konteks keyakinan setiap mujtahid dan muqallid mereka sahaja kerana semua fuqaha bersepakat setiap mujtahid tidak boleh menolak hasilan ijтиhadnya dan perlu beramal dengan fatwa sahaja. Ibn Abidin (2000) menukilkan pandangan al-Qarafi bahawa semua mujtahid dan muqallid tidak boleh berhukum dan fatwa melainkan dengan pandangan yang *rajih* kerana pemfatwaan sebarang fatwa *marjuh* adalah diharamkan oleh ijmak ulama.

Kedua, *trakhkus fi al-fatwa* tidak menjadi masalah jika pendapat paling ringan atau mudah itu adalah fatwa yang *rajih* dalam mazhab Syafi'i. Namun jika fatwa tersebut pendapat *marjuh* atau *dhaif* dan pada masa sama terdapat keperluan mendesak untuk berpegang dengannya, maka terdapat perincian hukum mengenainya.

Jika dirujuk pandangan majoriti Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafi'iyyah dan Hanabilah pasti akan mudah ditemui bahawa orang awam yang *muqallid* hanya mengikuti fatwa para mufti dan para mufti pula wajib berfatwa dengan pandangan yang *rajih* dalam mazhabnya, sebagai satu standard hukum yang jelas. Akan tetapi terdapat kenyataan khas mengenai keharusan berfatwa dengan pendapat *marjuh* jika terdapat keperluan mendesak.

Ibn Abidin (2000) menjelaskan keharusan beramal dengan pendapat dhaif ketika darurah dengan mengutamakannya daripada pendapat yang disepakati oleh Imam Abu Hanifah, Abu Yusuf dan Muhammad al-Shaybani dalam sebuah pendapat. Beliau memberikan contoh fatwa marjuh dalam mazhab Hanafi yang diamalkan ialah keharusan mengambil upah mengajar al-Quran dan tidak terbatas wuduk dengan sedikit darah keluar di anggota yang ditekap dengan kain supaya tidak menitik.

Dalam mazhab Syafi'i, al-Bakri (1993) dalam kitab Hasyiah I'anat al-Talibin menukilkan pandangan Syafi'iyyah mutakhir yang mengharuskan fatwa *marjuh* seperti keabsahan perlantikan pemimpin atau hakim yang fasik walaupun menurut fatwa muktamad perkara demikian tidak sah. Kesahan perlantikan tersebut turut menjustifikasi segala perintah, arahan dan penghakiman individu tersebut dianggap sah.

Pendirian sama dalam mazhab Maliki seperti dinyatakan dalam kitab *Hashiah Idrar al-Syuruq* bahawa para Malikiyyah Afrika Utara (*al-Maghribah*) mengharuskan beramal dengan pendapat tidak masyhur berdasarkan laporan al-Hattab daripada Ibn Umar membenarkan beramal dengan pendapat mazhab yang lemah (*shaaz*) untuk praktis individu kerana pendapat tersebut masih dikategorikan salah satu pendapat mazhab Maliki (Al-Qarafi, 2001).

Al-Rahaybani (1994), seorang ulama Hanbali mengklasifikasikan semua jenis pendapat *marjuh* kepada dua kategori. Pertama; pendapat-pendapat pelik (*syaaz*), nadir yang tidak mempunyai dalil daripada al-Quran dan sunah. Kedua; pendapat-pendapat yang disokong ayat al-Quran, yang dituturkan sebahagian ulama, diamalkan oleh segelintir sahabat dan tabiin. Menurut beliau, kebenaran beramal dengan pendapat *marjuh* hanya berlaku dalam kategori kedua contohnya seperti fatwa Ibn Taymiyyah yang menghukumkan hanya satu talak dikira dalam kes talak tiga dengan satu lafaz. Walaupun dianggap *marjuh* di sisi Hanabilah, fatwa tersebut masih berpandukan dalil-dalil yang sahih dan diamalkan pada zaman sahabat RA.

Daripada penjelasan yang dinukilkan oleh setiap mazhab fikah di atas, dapat disimpulkan bahawa dalam keadaan tertentu, seperti darurah orang awam boleh beramal dengan fatwa *marjuh* untuk dirinya dan apatah lagi para mufti yang menjaga kemaslahatan jutaan umat Islam lain tentu lebih diharuskan untuk bertindak sedemikian rupa. Keharusan beramal dengan pendapat mazhab yang marjuh, lemah atau bukan muktamad pada waktu kritikal sebenarnya masih bergulir dalam lingkungan dalil syarak secara generik, walaupun daripada segi perinciannya dihukum lemah.

Ketiga, jika dilihat dalam kes-kes *al-rukhas al-syar'iyyah* terutama waktu *darurah* yang bersangkutan dengan keselamatan nyawa dan anggota mukalaf, semua ulama bersepakat membenarkan penggunaan muharramat untuk melapangkan kesempitan yang terjadi, sudah tentu penggunaan fatwa *marjuh* wajar dibenarkan jika seluruh umat Islam atau sebahagiannya seperti di

Malaysia pada musim pandemik Covid-19 berhadapan kesukaran mempraktikkan hukum yang berpandukan fatwa rajih. Seperti dinyatakan sebelum ini, sekalipun marjuh, fatwa berkenaan sama ada fatwa tidak muktamad mazhab Syafi'i atau fatwa mazhab lain, semuanya masih berpandukan kaedah ijtihad yang betul, tidak menyalahi nas al-Quran dan sunah yang jelas, dan bukannya pendapat *shaaz*, serta dapat dikenalpasti pemfatwanya. Justeru jika terdapat keperluan mendesak, maka beramal dengan fatwa marjuh tidak dilarang oleh syarak dan juga logik akal, kerana pada waktu itu ia dianggap rajih selepas difatwakan beramal dengannya.

Kembali kepada praktis institusi fatwa rasmi di Malaysia, perlu dipertegaskan bahawa pemilihan fatwa *marjuh* ini dikendalikan oleh pihak berautoriti yang terdiri daripada golongan pakar hukum syarak. Semestinya pihak terbabit telah berhati-hati dalam membuat keputusan dengan keyakinan bahawa mereka mempunyai keupayaan menilai situasi yang boleh dianggap kritikal berdasarkan maklumat-maklumat sahih yang disalurkan oleh agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Hukum Amalan Berpindah Mazhab Fiqh dan Bertalfiq

Seterusnya pemilihan fatwa yang ringan dalam praktikaliti *al-tarakhhush fi al-fatwa* turut melibatkan isu perpindahan kepada mazhab fikah lain. Usuliyyin membahaskan keiltizaman dengan sesebuah mazhab secara tetap, adakah bermakna seseorang itu dibolehkan bertukar mazhab atau beramal dengan pandangan mazhab lain dalam masa yang sama. Terdapat perbezaan antara orang awam dengan mujtahid dalam perbincangan tersebut.

Pertama, orang awam atau yang bertaqlid, para usuliyyin terbahagi kepada tiga pendapat (Al-Hafnawi, 1995) iaitu:

- i. Dibolehkan bertaklid kepada mana-mana mazhab kerana seseorang itu tidak semestinya beriltizam dengan mazhab tertentu.
- ii. Tidak dibolehkan sama sekali kerana dengan komitmen yang telah diberikan kepada mazhab tertentu telah menjadikan satu kemestian kerana dia meyakini "kebenaran" mazhab itu. Oleh itu, dia wajib beramal dengan keyakinannya.
- iii. Jika orang itu telah beramal (menerima pakai) pendapat mazhab tertentu dalam beberapa masalah, maka dia tidak boleh lagi mengikut pendapat mazhab lain dalam masalah-masalah tersebut. Jika tidak, dia boleh memakai pandangan mazhab-mazhab yang lain pada beberapa permasalahan yang masih belum diamalkan.

Al-Zuhaili (1996) memilih pendapat yang pertama kerana tidak ada dalil yang menunjukkan seseorang itu 'wajib' beriltizam dengan mazhab-mazhab tertentu. Ini kerana sesuatu itu tidak menjadi wajib melainkan jika

diwajibkan oleh Allah SWT dan RasulNya dan kedua-duanya tidak pernah mewajibkan kepada sesiapa untuk bermazhab kepada mana-mana mujtahid. Pandangan ini merupakan pegangan majoriti ulama Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafi'iyyah dan Hanabilah yang membolehkannya dengan syarat bukan sengaja mencari hukum yang mudah (*tatabbu' al-rukhas*) (Al-Nawawi, 1991 ; al-Bakri, 1993 ; al-Rahaybani, 1994).

Justeru seseorang yang bertaklid kepada mazhab Hanafi (sebagai contoh) boleh memilih untuk berpindah kepada mazhab Maliki atau mana-mana mazhab sama ada yang melibatkan beberapa permasalahan atau berpindah terus secara keseluruhan. Sejarah telah membuktikan hakikat ini apabila Abu Jaafar al-Tahawi telah berpindah dari mazhab Syafi'i kepada mazhab Hanafi. Begitu juga dengan al-Amidi yang pada asalnya bermazhab Hanbali sebelum berpindah kepada mazhab Syafi'i (Al-Hafnawi, 1995).

Dalam hal ini, Ibn Abd al-Shakur (t.t) yang mensyarahkan kitab Fawatih al-Rahamut, memberikan komentar bahawa perpindahan mazhab adalah sah apabila fatwa mazhab tersebut diyakini sebagai yang benar tetapi perpindahan itu bukanlah mengikut syahwat kerana (jika) mengikut syahwat maka (hukumnya) haram sama sekali sama ada dalam perkara bermazhab atau lainnya.

Kedua, golongan mujtahid. Al-Suyuti (t.t) menegaskan sebarang perpindahan mazhab oleh mujtahid yang didorong oleh kepentingan dunia ini adalah haram kerana seperti bermain-main dengan hukum syarak. Adapun jika didorong kepentingan agama seperti mendapat dalil fatwa mazhab lain lebih kuat dan atau lebih rajih maka hukum perpindahan tersebut berlegar antara wajib dengan harus.

Jelas di sini bahawa keharusan perpindahan mazhab bagi orang awam dan juga mujtahid sama ada melibatkan keseluruhan fatwa ataupun secara selektif terhadap fatwa tertentu, yang dipersetujui oleh majoriti usuliyyin bukan bagi tujuan suka-suka (*tasyahhi*) sebaliknya terikat dengan beberapa syarat berikut (Al-Haythami, t.t; al-Nafrawi, 1995):

- i. Tidak menggabungkan (*talfiq*) fatwa beberapa mazhab menjadi satu hukum yang menyalahi keputusan ijmak seperti mengharuskan kahwin tanpa wali, saksi dan mas kawin.
- ii. Tidak bertujuan mencari pandangan mudah semata-mata (*tatabbu' al-rukhas*).
- iii. Menganggap fatwa mazhab lain yang ingin diamalkan itu *rajih*.

Selain keadaan di atas, para usuliyyin turut menggariskan beberapa keadaan lain yang membenarkan perpindahan mazhab seperti yang berikut (Al-Haythami, t.t; Ibn al-Salah, 1986; al-Bakri, 1993):

- i. Mendapatkan *rukhsah* melalui fatwa dan pandangan mazhab lain disebabkan keperluan mendesak.

- ii. Fatwa mazhab lain lebih mengamalkan *ihtiyat* untuk pengamalan agama.
- iii. Digalakkan bagi orang yang mengalami was-was untuk berpegang dengan fatwa paling ringan dan rukhsah supaya sifat buruk tersebut tidak menjadi lebih teruk yang mengakibatnya meninggalkan perintah syarak. Manakala bagi orang biasa, wajar berpegang dengan fatwa lebih berat agar tidak terkeluar daripada perkara harus.

Seterusnya mengenai amalan talfiq yang dikonsepsikan oleh para usuliyyin sebagai kombinasi dua fatwa mazhab atau lebih sehingga dapat melahirkan suatu fatwa baharu yang berbeza dengan fatwa asal setiap mazhab. Kebanyakan ulama menegah talfiq kerana lazimnya amalan tersebut merupakan satu kaedah *tatabbu' al-rukhas* yang sering diperintahkan oleh mereka. *Tatabbu' al-rukhas* merupakan helah segelintir pihak yang ingin melarikan diri daripada taklif hukum syarak yang standard (*azimah*), dengan hanya menerima fatwa yang bersifat rukhsah sahaja. Dalam keadaan tertentu, talfiq juga dibenarkan oleh para ulama dengan syarat tidak membawa kepada *tatabbu' al-rukhas* (Al-Bakri, 1993; al-Rahaybani, 1994). Berhubung pengamalan talfiq yang amat ketat, Majma' al-fiqh al-Islami turut menyatakan dalam resolusinya [1] (1/8) 70 bahawa talfiq yang ditegah ialah apa yang membawa kepada pengamalan rukhsah mengikut hawa nafsu atau mencacatkan prosedur pengamalan *al-akhz bi al-rukhsah*. (<https://www.iifa-aifi.org/ar/1950.html>). Resolusi itu juga menggariskan beberapa syarat yang perlu dipatuhi seperti yang berikut:

- i. Fatwa fuqaha yang diambil itu diiktiraf oleh syarak dan bukannya pendapat yang pelik,
- ii. Terdapat keperluan mengambil fatwa tersebut bagi mengelak *masyaqqah* berdasarkan keperluan masyarakat atau individu,
- iii. Pihak yang memilih fatwa mempunyai kemampuan ilmu berbuat demikian atau berpandukan pemilihan golongan pakar hukum,
- iv. Penggunaan fatwa tersebut tidak memacu kepada talfiq yang ditegah,
- v. Motif pemilihan fatwa tersebut tidak menjadi sebab kepada tujuan yang menyalahi syarak,
- vi. Pemilihan fatwa itu dapat memberikan ketenangan jiwa kepada pihak yang disasarkan.

Berdasarkanuraian di atas, nyata amalan talfiq dalam konteks *tatabbu' al-rukhas* berbeza sama sekali dengan talfiq yang diamalkan bagi tujuan *tarakhkhus fi al-fatwa* kerana ia bukan bertujuan untuk mengikut nafsu mencari apa sahaja yang mudah. Dalam pendekatan *tarakhkhus fi al-fatwa*, kombinasi

beberapa fatwa mazhab bertujuan mengeluarkan hukum atau fatwa baharu yang menyediakan ruang kemudahan dan keringanan kepada setiap mukalaf pada waktu *darurah*.

BEBERAPA KEPUTUSAN HUKUM DAN FATWA SEWAKTU PANDEMIK COVID-19

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020 sehingga hari ini, terdapat beberapa keputusan hukum dan fatwa berkenaan pelaksanaan ibadat yang dikeluarkan oleh jabatan mufti seluruh Malaysia. Didapati beberapa keputusan tersebut berbeza dengan fatwa-fatwa muktamad dalam mazhab Syafi'i yang mana mentarjihkan pandangan kedua fuqaha Syafi'iyyah (tidak muktamad) atau pandangan mazhab fikah muktabar lain. Begitu juga dalam beberapa fatwa terdapat hal-hal perincian yang tidak disepakati antara jabatan mufti terutama berkaitan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Namun secara konsensusnya, semua fatwa tersebut mementingkan maslahah keselamatan umum dengan pertimbangan sewajarnya terhadap sebab-sebab rukhsah dan kemudaratian.

Bagi penulis, kepelbagaiannya fatwa sewaktu pandemik ini suatu usaha positif yang bakal mempercambahkan lagi khazanah hukum Islam di peringkat tempatan. Dengan itu, elemen rukhsah dalam aplikasi ibadah tersebut akan dikaji oleh generasi pelajar akan datang sebagai tambahan ilmu kepada contoh-contoh klasikal yang sedia maklum. Antara keputusan fatwa tersebut adalah Jadual 1 seperti di bawah:

Jadual 1: Keputusan Hukum dan Sumber Mazhab

Bil.	Keputusan Hukum dan Fatwa	Sumber Mazhab
1.	Penangguhan solat berjemaah dan jumaat di masjid dan surau jumaat ⁱ	Semua mazhab muktabar disebab faktor keuzuran
2.	Penjarakan fizikal dalam susunan saf solat jemaah ⁱⁱ	Ijtihad kontemporari
3.	Kebenaran mendirikan solat Jumaat dengan bilangan minimum seramai 12 orang dan tidak mencapai 40 orang yang bermustautin.	Pandangan Rabi'ah, al-Zuhri, al-Awza'i, Muhammad bin al-hasan dan Malikiyyah serta pandangan kedua (<i>marjuh</i>) Syafi'iyyah
3.	Penentuan had minimum kehadiran jemaah ke masjid dan surau ⁱⁱⁱ	Dipersetuju oleh semua mazhab muktabar
4.	Keharusan bertayammum bagi para petugas kesihatan ^{iv}	Pendapat kedua Syafi'iyyah. Juga berasaskan pendapat qadim, yang zahir dalam al-Mukhtasar, dan disahkan oleh Syeikh Abu Hamid, al-Jurjani, dan al-Ruyani dalam al-Hilyah. Ia juga pendapat Imam Ahmad dan ramai lagi fuqaha'.

5.	Solat dengan tayammum di atas PPE dan tidak perlu diulang semula	Pilihan Imam al-Nawawi dan Imam al-Muzani dalam kes faqid al-tahurain dan juga mazhab Hanbali.
6.	Keharusan menjamakkan solat fardu bagi para petugas kesihatan ^v	Mazhab Hanbali dan beberapa Syafi'iyyah yang menjadi qawl kedua mazhab Syafi serta satu pandangan Malikiyyah
7.	Keharusan menjalani ujian swab pada bulan Ramadan ^{vi}	Mazhab Hanafi
8.	Keharusan menjalankan akad nikah secara atas talian ^{vii}	Ijtihad kontemporari

DAPATAN KAJIAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, kajian ini telah mendapat beberapa perkara seperti yang berikut;

1. *Tarakhkhush fi al-Fatwa Tidak Sama dengan Tatabbu' al-Rukhas*

Keputusan fatwa yang dibuat berdasarkan kaedah *tarakhkhush* yang turut mengamalkan talfiq sangat berbeza dengan *tatabbu' al-rukhas* yang hanya memfokuskan kompilasi fatwa-fatwa yang paling ringan dan mudah. Hal ini kerana *tarakhkhush* dalam fatwa hanya melibatkan pengambilan pandangan rajih mazhab lain atau pandangan bukan muktamad fuqaha Syafi'iyyah secara selektif dalam situasi yang terhad. Ia bukan dijadikan amalan berterusan seperti dalam *tatabbu' al-rukhas* oleh golongan yang mahu melepaskan diri daripada taklif hukum syarak yang standard dengan berselindung di sebalik ikhtilaf ulama. Justeru orang awam tidak seharusnya terkeliru antara *tarakhkhush* dengan *tatabbu' al-rukhas* dan begitu juga antara keharusan perpindahan mazhab dengan talfiq yang berpaksikan *tatabbu' al-rukhas*. Ibn Abd al-Barr () menyatakan jika seseorang itu mengambil fatwa yang bersifat rukhsah daripada semua ulama, maka akan terkumpul segala kejahanan pada dirinya. Pendirian ini bercanggah dengan ijmak ulama. Begitu juga Ibn Hazm mengingatkan para mufti dan hakim agar tidak menjatuhkan hukuman yang tidak konsisten berdasarkan hawa nafsunya dalam dua kes yang sama seakan menunjukkan beliau menyalahi kebenaran dalam keputusan terdahulu dengan keputusan terkini.

Penulis menggariskan tiga perbezaan *tarakhkhush fi al-fatwa* yang digunakan dalam pembuatan fatwa di Malaysia dengan *tatabbu' al-rukhas* seperti berikut:

- i. *Tarakhkhush* adalah mengikut fatwa fuqaha yang lebih ringan dalam beberapa masalah disebabkan terdapat keperluan berbuat demikian.
- ii. *Tarakhkhush* mempunyai peraturan (*dawabit*) yang tertentu.
- iii. Fatwa asal akan kembali digunakan selepas keperluan kepada *tarakhkhush* terhenti.

Berdasarkan perbezaan tersebut, semua fatwa yang dinyatakan sebelum ini hanya dibenarkan kepada petugas barisan hadapan yang bertugas (*on duty*) sewaktu Covid-19. Begitu juga keharusan mengerjakan solat Jumaat sewaktu PKP dengan bilangan jemaah tidak mencapai 40 orang mustautin seperti ditetapkan oleh ulama Syafi'iyyah.

2. Keputusan Fatwa Demostik Bertetapan dengan Prinsip *al-Tarakhkhush fi al-Fatwa*

Fatwa-fatwa yang diputuskan juga dilihat bertepatan dengan prinsip *al-tarakhkhush fi al-fatwa* yang dibincangkan oleh usuliyin. Malah prinsip ini juga boleh dikategorikan dalam kluster al-rukhas al-syar'iyyah yang dibenarkan kerana terdapat masyaqqah yang melayakkan pelbagai kemudahan syarak. Jika dilihat pada pengamalan rukhah sendiri, kemudahan hukum dalam perkara ibadat dan muamalah terbit daripada roh syariat Islam yang amat menitikberatkan kesejahteraan umatnya daripada pelbagai perkara yang membebankan.

Tarakhkhush fi al-fatwa menjadi kaedah atau pendekatan hukum terkini bagi mengawal seleksi pendapat fuqaha di luar mazhab Syafi'i agar tidak terjadi kecelaruan (*inconsistent*) beramal dalam masyarakat. Apatah lagi dalam konteks masa kini, pembuatan fatwa dikendalikan secara kolektif oleh para mufti dengan bantuan kepakaran pasukan penyelidik dan jawatankuasa fatwa yang memiliki takhassus dalam bidang hukum Islam berbanding fatwa individu perseorangan.

Aspek kemudahan yang ditekankan dalam fatwa-fatwa domestik dapat mengurangkan masyaqqah beramal dengan pandangan muktamad mazhab Syafi'i apabila pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengarahkan penutupan semua tempat-tempat ibadat, premis perbiagaan dan lokasi yang menjadi perkumpulan sosial bagi mengelak jangkitan Covid-19.

Dalam keharusan melaksanakan solat Jumaat dengan bilangan 12 orang atau 30 orang mengikut fatwa mazhab Malikiyah dan fatwa qadim Imam al-Syafi'i, syiar Islam itu dapat dilaksanakan selaras dengan pematuhan arahan dan SOP pihak kerajaan berbanding tidak mendirikannya langsung. Mengikut pandangan muktabar mazhab Syafi'i, solat Jumaat tidak sah didirikan kecuali dengan kehadiran 40 jemaah yang bermustatutin secara tetap di sesebuah mukim. Jika jumlah tersebut kurang, solat Jumaat diganti dengan solat Zohor sahaja. Keharusan solat Jumaat dengan jumlah kurang 40 merupakan pentarjihan fatwa berkaitan ibadat tersebut bagi memastikan pelaksanaannya tidak terlupakan walaupun pada masa Covid-19 menular. Pada masa sama, dapat membuang prasangka masyarakat Islam terhadap institusi agama yang terlalu rigid dalam pengurusan masjid.

Begitu juga keharusan menjamakkan solat bagi petugas barisan hadapan bagi sektor kesihatan dan keselamatan, fatwa fuqaha Hanabilah dan sebahagian Syafi'iyyah menyediakan kelapangan kepada mereka melaksanakan solat fardu dengan sempurna serta memberikan perhatian kepada tugas kritikal masing-masing selepas itu tanpa sebarang rasa gelisah untuk bersolat. Cara ini lebih baik daripada mereka terpaksa meninggalkan solat sehingga terkeluar waktu dan mengqdakannya.

Situasi yang sama dihadapi oleh orang yang terpaksa menjalani segera ujian saringan (swab test) di siang hari pada bulan Ramadan. Jika perlu dijalankan dengan segera, hukum saringan tersebut difatwakan tidak membantalkan puasa mengikut fatwa Hanafiyyah kerana faktor darurah dan alat saringan yang dimasukkan ke dalam rongga hidung atau mulut bukan sumber nutrisi yang mengenyangkan.

3. *Al-Tarakhkhush fi al-Fatwa* Tidak Bercanggah dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam

Kajian ini turut mendapati pengamalan fatwa mazhab selain Syafi'i dalam keadaan tertentu dibenarkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri jika terdapat maslahah hukum. Kelonggaran itu boleh dipraktiskan jika didapati pengamalan fatwa muktamad boleh menyebabkan kesusahan dalam kalangan umat Islam pada waktu Covid-19 berleluasa.

Kelonggaran fatwa ini diperuntukkan dengan jelas dalam semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Contohnya Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyebut;

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang **berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil**, Jawatankuasa Fatwa **bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali**.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa **bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad** tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Peruntukan sama didapati dalam Fasal 54 (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Seksyen 54 (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran

Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001), Seksyen 54 (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 54 (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 37 (2) Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Seksyen 26 (2) dan (3) Enakmen Mufti Dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 42 (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 39 (2) dan (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006 yang memperakukan apa-apa pendapat yang mengikut al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Jelas bahawa semua Enakmen dan Akta di atas memperuntukkan kelonggaran kepada para mufti untuk memutuskan fatwa yang dinilai *rajih* untuk menjamin kemaslahatan umat Islam di bawah bidang kuasa masing-masing jika terdapat dalihan seperti masyaqqah, darurah atau keperluan kritikal sekiranya fatwa muktamad mazhab Syafi'I dikenakan. Secara tidak langsung, dengan peruntukan undang-undang tersebut semua pihak dapat melihat atas keterikatan mazhab Syafi'i, bukan bersifat mutlak sehingga tidak boleh dipertikaikan. Ia juga memperlihatkan kesepaduan antara ketegasan perundangan dan fleksibiliti pelaksanaannya dalam mengawal hal ehwal umat Islam.

PENUTUP

Pendekatan *tarakhkhus fi al-fatwa* yang diaplikasikan dalam keputusan fatwa di Malaysia memperlihatkan ciri tasamuh Islam yang mempermudah dan tidak membebankan manusia. Ciri-ciri tersebut jelas dinyatakan dalam pelbagai nas al-Quran, sunah dan ijma' para ulama yang perlu diutamakan dalam penyampaian hukum syarak masa kini.

Syariat Islam sangat kaya dengan khazanah hukum yang dihasilkan ijtihad para fuqaha pada setiap zaman. Khazanah hukum itu terdiri daripada kepelbagaiannya fatwa sama ada dalam mazhab Syafi'i dan juga mazhab muktabar lain termasuk pendapat *marjuh* boleh dijadikan panduan berhukum oleh umat Islam khususnya para mufti bagi menyelesaikan kemelut hukum di samping penghasilan fatwa baharu yang diputuskan secara kolektif.

Kefanatikan mazhab dapat disederhanakan dalam kalangan masyarakat tempatan dengan pendekatan ilmu dan manhaj fatwa yang betul dari segi syarak dan juga undang-undang. *Tarakhhkus fi al-fatwa* bukan pendekatan yang membawa masyarakat meninggalkan mazhab fikah yang dipegang, sebaliknya membuka ufuk keluasan syariah daripada perspektif lebih luas.

Tanpa menafikan kepentingan mazhab Syafi'i di Malaysia sebagai satu kaedah memahami dan melaksanakan syariah dengan sistematik dan konsisten bagi masyarakat awam, saduran manfaat ilmu daripada mazhab

fikah lain hanya wajar dikendalikan secara berhemah oleh para mufti dan golongan pakar hukum syarak yang berautoriti bagi mengelak ikhtilaf pendapat fuqaha diekplorasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Shukor Husin. (2012). Ke Arah Penyelarasan Fatwa di Malaysia. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Bakri, al-Sayyid Abu Bakr ibn al-Sayyid Muhammad Syata. (1993). *Hasyiyah Icanah al-Talibin*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Hafnawi, M. I. (1995). *Tabsir al-Nujaba' bi Haqiqah al-Ijtihad wa al-Taqlid wa al-Talfiq wa al-Ifta'*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Al-Haytami, Ibn Hajar. (t.t). *Al-Fatawa al-Hadithiyyah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Isnawi, 'Abd al-Rahim ibn al-Hasan. (1999). *Nihayat al-Sul Syarh Minhaj al-Wusul*. Edisi ke 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jauhari, Ismail ibn Hammad, (1987). *Al-Sihah, Dar al-Ilm li al-Malayiin*: Beirut, edisi 4, Tahqiq Ahmad Abd al-Ghafur Attar.
- Al-Jurjani, 'Ali ibn Muhammad al-Sayyid al-Syarif. (t.t). *Al-Ta'rifat*, Tahqiq oleh Muhammad Sadiq al-Minsyawi. Kaherah : Dar al-Fadhilah.
- Al-Mahalli, Jalal al-Din bin Shams al-Din Muhammad. (1982), *Hashiah al-Bannani 'ala Matn Jam'i al-Jawami'*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Nafrawi, Ahmad ibn Ghanim. (1995). *Al-Fawakih al-Duwani ala Risalah ibn Abi Zayd al-Qayrawani*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Yahya ibn Syaraf. (t.t). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut : Dar al-Fikr.
- _____. (1991). *Rawdat al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. Tahqiq oleh Zuhayr al-Syawish (tahqiq), Edisi ke 3. Beirut : al-Maktab al-Islami.
- Al-Qarađāwi, Yusuf (1996), *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*. Terj. Batu Caves: Thinker's Library.
- Al-Qarafi, Syihab al-Din Ahmad ibn Idris. (2001). *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*. Tahqiq oleh Muhammad Ahmad Sarraj dan 'Ali Jum'ah. Edisi ke 1. Kaherah : Dar al-Salam.
- Al-Raghib, al-Husayn ibn Muhammad. (t.t). *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Tahqiq oleh Muhammad Sayyid Kaylani. Beirut : Dar el-Ma'rifah.
- Al-Rahaybani, Mustafa ibn Sa'd. (1994). *Matalib Uli al-Nuha fi Syarh Ghayat al-Muntaha*. Edisi ke 2. Beirut : al-Maktab al-Islami.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman. (t.t). *Jazil al-Mawahib fi Ikhtilaf al-Mazahib*. Tahqiq al-Bustawi Abd al-Qayyum Ibn Muhammad. Kaherah : Dar al-I'tisam.
- Al-Syatibi, Abu Isyaq Ibrahim Ibn Musa. (t.t) *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syari'ah*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Zabidi, Muhammad ibn Muhammad al-Murtadha (t.t). *Taj al-Arus*. T.Tp : Dar al-Hidayah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr.
- _____. (1989). *Al-Fiqh al-Islamiwa Adillatuhu*. Edisi ke 3. Dimashq : Dar al-Fikr.
- Berita Harian Online. (2020). Kronologi COVID-19 di Malaysia. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>, pada 22 Mac 2020.
- Ibn Abd al-Barr, Yusuf Ibn Abd Allah (1994). *Jamik Bayan al-Ilm wa Fadhlihi*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Abd al-Syakur, Muhibbulah. (t.t). *Musallam al-Thubut*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Salah, (1986). *Fataawa wa Masa'il Ibn al-Salah fi al-Tafsir wa al-Hadith wa al-Fiqh wa al-Usul*. Tahqiq Abd al-Mu'ti Qal'aji. Edisi ke-1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. (2000). *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (1993). *Lisan al-'Arab*. Edisi ke 4. Beirut : Dar Sadir.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Status COVID-19 di Malaysia*, diambil dari <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>, pada 2 April 2020
- Madkur, Muhammad Salam. (t.t.), *al-Qada' fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-Islamiyyah.
- International Islamic Fiqh Academy, *Qarar bi Sha'n al-Akhz bi al-Rukhsah wa Hukmuhu*. Diakses daripada <https://www.iifa-aifi.org/en/7514.html> pada 18 April 2021.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2012). Penyelarasan Fatwa: Isu, Masalah dan Harapan. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Noresah Baharom et.al (edit). (2013). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sa'di Abu Jayb. (1998). *Al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia 17 April 2021. Diakses daripada <http://covid-19.moh.gov.my/terkini> pada 18 April 2021

Senarai Statut

- Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.

-
- ⁱ Keputusan dalam isu ini boleh dirujuk dalam beberapa pautan di bawah :
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah>
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/692707/penangguhan-solat-jumaat-antara-keputusan-paling-sukar-berat-mohd>
<https://www.maij.gov.my/wmaji/?p=5109>
<https://www.sinarharian.com.my/article/74201/KHAS/Covid-19/Solat-Jumaat-diganti-solat-Zuhur-Sultan-Kedah>
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571057/sabah-lanjut-penangguhan-solat-jemaah-dan-jumaat>
- ⁱⁱ Keputusan dalam isu ini boleh dirujuk dalam beberapa pautan di bawah:
- https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/Al-Bayan_SIRI-6_FINAL-4_compressed.pdf
<https://www.maiamp.gov.my/phocadownload/garis%20panduan%20solat%20fardhu%20berjemaah%20untuk%20tempoh%20PKPP.pdf>
<file:///C:/Users/HP/Downloads/GARIS%20PANDUAN%20PELAKSANAAN%20SOLAT%20JUMAAT.pdf>
- ⁱⁱⁱ Keputusan dalam isu ini boleh dirujuk dalam beberapa pautan di bawah :
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/688832/prosedur-solat-berjemaah-perlu-diketahui-pengurusan-masjid-jemaah>
<http://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/dasar-dan-polisi/garis-panduan/465-kedudukan-saf-solat-jemaah-ketika-perintah-kawalan-pergerakan/file>
[file:///C:/Users/HP/Downloads/GARIS%20PANDUAN%20PELAKSANAAN%20SOLAT%20JUMAAT%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/HP/Downloads/GARIS%20PANDUAN%20PELAKSANAAN%20SOLAT%20JUMAAT%20(1).pdf)
- ^{iv} Keputusan dalam isu ini boleh dirujuk dalam beberapa pautan di bawah :
- http://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2020/artikel/mac/hukum_covid.pdf
<https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Fiqh-Covid-19.pdf>
<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4407-irsyad-al-fatwa-siri-ke-481-kaedah-bersuci-dan-solat-bagi-petugas-covid-19-yang-terpaksa-memakai-ppe-selama-12-jam>
http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/panduan_bersuci_dan_bersolat_bagi_pesakit.pdf
- ^v Keputusan dalam isu ini boleh dirujuk dalam beberapa pautan di bawah :
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4325-irsyad-al-fatwa-siri-ke-455-hukum-solat-jamak-bagi-petugas-covid-19>
<https://mufti.perlis.gov.my/index.php/berita-terkini/273-hukum-jamak-solat-bagi-petugas-kementerian-kesihatan-malaysia-yang-terlibat-dalam-merawat-pesakit-covid-19>
<https://www.sinarharian.com.my/article/75596/KOLUMNIS/Rukhsah-solat-ketika-wabak>
- ^{vi} Keputusan dalam isu ini boleh dirujuk dalam beberapa pautan di bawah :
- http://mufti.perak.gov.my/images/hebahan/covid/hukum_saringan.pdf
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/680018/covid-19-ujian-swab-tidak-membatalkan-puasa-%E2%80%93-mufti-kelantan>
<https://www.sinarharian.com.my/article/80592/KHAS/Covid-19/Ujian-swab-tidak-batalkan-puasa>
<https://mufti.perlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/341-hukum-ujian-swab-untuk-saringan-covid-19-terhadap-orang-berpuasa>
<http://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/dasar-dan-polisi/garis-panduan/469-panduan-hukum-berkaitan-ujian-saringan-dan-prosedur-rawatan-pesakit-covid-19-pada-bulan-ramadan/file>
<https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Fiqh-Covid-19.pdf>
- ^{vii} Keputusan dalam isu ini boleh dirujuk dalam beberapa pautan di bawah :
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679407/akad-nikah-online-dibenarkan-mulai-hari-ini-jais>
<http://jaip.pahang.gov.my/index.php/417-syarat-dan-tatacara-pelaksanaan-majlis-akad-nikah-di-pahang-dalam-tempoh-pkp>
<https://sinar.my/viral/trending/majlis-akad-nikah-atas-talian-ketika-pkp>
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569341/akad-nikah-online-jika-terdesak-jaips>